

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

5. Apakah promosi yang telah dijalankan oleh pihak Taman Herba Bertam untuk memastikan bahawa orang ramai lebih mengenali dan mengunjungi taman tersebut?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Untuk makluman, Taman Herba Bertam (THB) mula dibangunkan pada tahun 2015 oleh Jabatan Pertanian Malaysia bagi tujuan mewujudkan pusat janaplasma herba dan seterusnya menjadikan THB sebagai pusat sehenti (*one-stop center*) bagi pelbagai industri berkaitan produk hasilan herba dan rempah-ratus warisan. Sehingga kini, sebanyak 300 spesis herba warisan nusantara telah ditanam di sekitar THB dan kebanyakan spesis herba tersebut digunakan sebagai bahan rawatan dalam perubatan tradisional.

Bagi melengkapkan fungsi THB sebagai pusat agropelancongan, kemudahan-kemudahan seperti galeri herba, pusat jualan produk herba, pusat spa dan urutan tradisional, kafe, inap desa dan beberapa lagi fasiliti riadah, telah disediakan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke sini.

Usaha diteruskan dengan program promosi oleh pihak THB melalui hebahan di media sosial dan media massa, sebagai contoh melalui siri dokumentari Agrotek di RTM dan Astro Awani. Selain itu, pihak pengurusan THB juga giat mempromosikan lokasi ini sebagai tempat penganjuran program (*event venue*) kepada orang awam, agensi dan sebagainya. Usaha ini juga termasuk menjadikan THB sebagai salah satu lokasi wajib dilawati oleh mana-mana jabatan/agensi yang datang ke Negeri

Pulau Pinang. Untuk rekod, sejak mula dibuka kepada orang awam pada tahun 2019, bilangan pengujung yang direkodkan ialah seramai 79,431 orang.